

Headline	Desatera diiktiraf penyedia katering terbaik		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Sep 2024	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	155,996
Page No	38	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	199 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,184
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,553



FEIZAL NUR (tiga dari kiri) pada majlis anugerah BestBrands Award 2024 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Desatera diiktiraf penyedia katering terbaik

PETALING JAYA — Penyedia perkhidmatan katering ketenteraan dan pengurusan fasiliti, Desatera Sdn. Bhd. (Desatera) di anugerahkan The BrandLaureate Bumiputera BestBrands Award 2024 dalam kategori Perkhidmatan Katering di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Anugerah berkenaan dianjurkan oleh The World Brands Foundation merupakan satu pengiktirafan berprestij yang meraikan

kecemerlangan kepimpinan jenama dalam kalangan syarikat Bumiputera.

Desatera merupakan sebuah usaha sama antara Dewina Holdings Sdn. Bhd. dan Koperasi Angkatan Tentera Berhad.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Feizal Nur Nurbi berkata, penghargaan berkenaan adalah bukti dedikasi tidak berbelah bahagi pasukannya.

"Komitmen untuk memberi-

kan perkhidmatan cemerlang, terutamanya dalam bidang katering ketenteraan sentiasa menjadi teras misi kami.

"Kami sangat berbesar hati diiktiraf oleh The BrandLaureate dan akan terus berusaha untuk mencapai kejayaan yang lebih besar.

"Kemenangan Desatera mengukuhkan lagi kedudukan syarikat ini sebagai pemain utama dalam sektor katering," katanya.